



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*National University  
of Malaysia*

# Tasik Chini

Kenali Rizab Biosfera UNESCO  
yang pertama di Malaysia



## Lagenda Tasik Chini

Mengikut lagenda Orang Asli, tasik misteri ini didiami oleh seekor naga iaitu Naga Sri Gumum yang bersisik besi. Ada yang juga merujuk naga ini sebagai gergasi Loch Ness di Malaysia.

Malah, kawasan tasik yang berbukit-bukau turut dikatakan menyerupai bahagian belakang seekor naga. Walaupun terdapat beberapa laporan kemunculan naga ini dari semasa ke semasa, namun semuanya tidak pernah dibuktikan secara saintifik.


## Rizab Biosfera yang pertama di Malaysia

Tasik Chini telah dianugerahkan status Rizab Biosfera oleh UNESCO pada Mei 2009.

Status Rizab Biosfera ini penting untuk dikekalkan kerana ia akan membantu melonjakkan imej Tasik Chini sebagai satu destinasi eko-pelancongan utama di negara, di samping meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap usaha pemeliharaan dan pemuliharaan di Tasik Chini.

## Kaya Dengan Warisan Alam Semulajadi

Di sini, terdapat sekurang-kurangnya:



87 spesies  
ikan  
air tawar



304 spesies  
haiwan



189 daripadanya  
spesies  
burung





# Satu khazanah alam negara yang wajar dihargai, dilindungi dan dikagumi.

Tasik Chini adalah sebuah ekosistem dan rizab hidupan liar yang penting dan hak milik segenap lapisan masyarakat untuk dinikmati bersama sebagai tempat rekreasi dan mencari rezeki, selain menjadi tempat tinggal Orang Asli kaum Jakun dan Semai.

## Bunga teratai ikon utama Tasik Chini



Tasik Chini bertambah seri dengan bunga teratai yang berkembang mekar dari bulan Jun hingga Januari setiap tahun. Pelbagai usaha pemuliharaan dan peningkatan kualiti air yang baik telah berjaya mengembalikan keindahan bunga-bunga teratai di Tasik Chini.

## Sumber kehidupan untuk Orang Asli di Tasik Chini



Tiga kelompok masyarakat utama yang tinggal di sekitar Tasik Chini iaitu Orang Asli kaum Jakun dan Semai, orang Melayu tempatan dan penduduk Felda. Orang Jakun mewakili 88% kaum pribumi yang tinggal di Tasik Chini.

## Khazanah hutan kekal terpelihara



Hutan di sekitar tasik memainkan peranan penting untuk menstabilkan alam sekitar, memulihara kepelbagaian biodiversiti, tadahan air dan sumber genetik asas flora dan fauna. Oleh itu, penanaman semula pokok hutan telah dan sedang dijalankan untuk memulihara khazanah warisan dunia, serta mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke udara.



### Perkampungan Orang Asli

- 1 Kg. Cendahan
- 2 Kg. Tg. Puput
- 3 Kg. Melai
- 4 Kg. Gulum

### Kualiti air Tasik Chini sentiasa dipantau

#### 7 Stesen Pemantauan

- 1 Sg. Melai
- 2 Sg. Chini
- 3 Sg. Jemberau
- 4 Sg. Kura-kura
- 5 Sg. Paya Merapuh
- 6 Sg. Cendahan
- 7 Sg. Gulum



Kualiti air di Tasik Chini telah bertambah baik di mana aktiviti-aktiviti rekreasi air kini boleh dijalankan dengan selamat.

## Destinasi pendidikan dan penyelidikan biodiversiti yang unggul



Aktiviti-aktiviti penyelidikan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dipergiatkan dengan pembangunan kemudahan dan fasiliti oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) seperti Kompleks Makmal Kajian Air Tawar dan kemudahan asrama bagi para penyelidik dan pelancong.

### Apakah Rizab Biosfera Tasik Chini?

Rizab Biosfera Tasik Chini adalah merupakan gabungan ekosistem tanah bencah air tawar tropika dan hutan hujan tropika tanah pamah dipterokarpa yang diiktiraf oleh Program UNESCO 'Manusia dan Biosfera'

Bilakah Tasik Chini menjadi tapak "Manusia dan Biosfera" UNESCO? Pada tahun 2009

Apakah keluasan kawasan Tasik Chini? Sekitar 69.22 km<sup>2</sup>

Ada berapa banyak rizab biosfera UNESCO di dunia? Terdapat 669 tapak yang mewakili 120 buah negara





Usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Tasik Chini seperti pembersihan sungai, penstabilan cerun, penanaman semula pokok serta pemulihan flora dan fauna telah dilaksanakan secara berterusan bagi mengekalkan status Rizab Biosfera di Tasik ini.

Satu Pelan Pelaksanaan Strategik untuk Tasik Chini juga telah dimuktamadkan dengan kerjasama pihak berkepentingan dan komuniti tempatan sebagai garis panduan untuk menjamin kelestarian dan kemampunan Tasik Chini.



*Pengambilan sampel bagi kawalan kualiti air*



*Pembinaan sangkar ikan telah meningkatkan populasi ikan seperti lampam, sebarau dan kelah*



*Penanaman semula pokok teratai untuk memulihkan ikon Tasik Chini*



*Penanaman semula pokok hutan di sekitar Tasik Chini*



*Program kesedaran mengenai Tasik Chini bersama para pelajar*



*Komuniti tempatan termasuk golongan Orang Asli juga turut terlibat*



*Berkayak dan memancing adalah antara aktiviti yang popular di Tasik Chini*



*Kanak-kanak turut aktif dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan tasik*





*Kampung-kampung Orang Asli turut dijadikan tarikan baharu pelancong menerusi projek inap desa dan penjualan kraftangan tempatan*

*Tasik yang indah dan penuh misteri ini akan menggamit sesiapa sahaja untuk meneroka kekayaan sumber alam yang terdapat di sini. Namun, perlindungan Tasik Chini harus menjadi tanggungjawab setiap lapisan masyarakat supaya generasi akan datang dapat terus berpeluang menikmati segala keindahan dan keistimewaan tasik air tawar tropika semula jadi ini.*



# Kunjungi dan Hayati Keindahan Tasik Chini



Konsep cadangan pembangunan Tasik Chini: Tasik Chini akan terus dilindungi dan dibangunkan sebagai satu destinasi eko-pelancongan untuk manfaat orang ramai.

**Petunjuk**

	Sempadan Tasik (50 m)		<b>A</b> Pintu Masuk		<b>F</b> Eco Resort
	Cadangan Dek Menara Tinjau		<b>B</b> Pusat Pentadbiran Taman Biosfera Tasik Chini		<b>G</b> Pusat Kraftangan (Tg. Puput)
	Menara Tinjau Gumum		<b>C</b> Pusat Pelawat Taman Biosfera Tasik Chini		<b>H</b> Program Inap Desa (Kg. Gumum)
	Jeti		<b>D</b> Pusat Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi		<b>I</b> Perhutanan Semula
	Denai Tasik Chini		<b>E</b> Penyelidikan dan Pembangunan Dan Hutan Rekreasi		

## Lokasi Tasik Chini

- Tasik Chini salah satu destinasi pelancongan menarik di Pahang, terletak kira-kira 250 km dari Kuala Lumpur dan 100 km dari Kuantan, ia boleh diakses melalui jalan raya iaitu melalui Lebuh raya Karak atau Lebuh raya Segamat.
- Pelawat juga boleh ke sini dengan menaiki bot merentasi Sungai Pahang dari Kampung Belimbing dan mudik ke arah hulu Sungai Chini.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pahangtourism.org.my](http://www.pahangtourism.org.my) atau [mush@ukm.edu.my](mailto:mush@ukm.edu.my)



Masyarakat Orang Asli di Tasik Chini

## Program untuk penduduk tempatan Tasik Chini

Penduduk tempatan termasuk golongan Orang Asli berpeluang mempertingkatkan kemahiran untuk menceburi bidang keusahawanan, melalui Latihan Kemahiran dan Keusahawanan **empower ECER** dan **entrepreneur ECER** yang ditawarkan oleh ECERDC. Selain itu, para pelajar di Tasik Chini juga berpeluang mengikuti program Latihan Akademik **empower ECER** supaya boleh mencapai keputusan akademik yang lebih memberangsangkan.

Di samping itu juga, usaha memajukan industri eko-pelancongan lestari di Tasik Chini akan bakal diterajui oleh penduduk tempatan, khususnya kepada kaum Orang Asli. Eko-pelancongan lestari akan menjana pekerjaan dan meningkatkan pendapatan komuniti tempatan, di samping meningkatkan kesedaran awam terhadap kepelbagaian biologi dan budaya tradisional di kawasan ini.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ECERDC atau UKM.

Sebagai satu destinasi eko-pelancongan yang menarik, terdapat banyak aktiviti-aktiviti menarik. Ini termasuk:

### 1. Melawat Pusat Penyelidikan Tasik Chini

Pusat ini dibuka kepada pelawat dan pemelihara alam sekitar yang mahu mendapat maklumat lanjut mengenai Tasik Chini serta kepelbagaian flora dan faunanya.



### 3. Bersantai

Tasik ini memiliki persekitaran yang cantik dan mendamaikan. Oleh itu adalah penting untuk para pengunjung untuk memulihara dan memelihara keindahan tasik ini demi generasi akan datang.

### 2. Menaiki Bot

Pelawat boleh menaiki bot untuk melawat 12 buah tasik yang berlainan di sekitar Tasik Chini dan mengunjungi perkampungan Orang Asli di Kampung Gumum, Kampung Puput dan Kampung Cendahan.



### 4. Inap Desa

Untuk merasai sendiri kehidupan sebenar di tepi sungai, pelawat boleh menginap di Inap Desa Kampung Baru Salong, yang terletak di sebelah selatan Sungai Pahang.



**Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)**  
 Tingkat 22, Menara 3 PETRONAS  
 Kuala Lumpur City Centre  
 50088 Kuala Lumpur, MALAYSIA  
 Tel : +603-2035 0021  
 Faks : +603-2035 0020  
 Email : [secretariat@ecerdc.com.my](mailto:secretariat@ecerdc.com.my)  
 Laman Web : [www.eцерdc.com.my](http://www.eцерdc.com.my)



**Pusat Penyelidikan Tasik Chini**  
**Universiti Kebangsaan Malaysia**  
 Jalan Tasik Chini, 26690 Pekan, Pahang  
 Tel : +603-8921 3291